

# UiNVEST sampaikan cek pembahagian untung kepada UMS

NST 21.10.2017 2

KOTA KINABALU: UMS Investment Holdings Sdn. Bhd. (UiNVEST) menyampaikan pembahagian keuntungan bagi tahun kewangan 2016 berjumlah RM573,057 kepada Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Khamis.

Cek pembayaran disampaikan Pengerusi Kumpulan anak syarikat UMS itu, Datuk Ag. Buhtamam Ag. Mahmud kepada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin, dalam majlis ringkas yang disaksikan Ahli Lembaga Pengarah UiNVEST serta beberapa pegawai berkuasa pengurusan universiti dan pengurusan atasan UiNVEST.

Terdahulu dalam ucapannya, Awang Buhtamam berkata, UiNVEST telah mencatat hasil pendapatan sebanyak RM955,094 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

"Ia mengalami sedikit penurunan berbanding RM1,071.14 juta pada

tahun sebelumnya.

"UiNVEST sebelum ini telah menyerahkan 60% hasil keuntungan kepada UMS sebanyak RM642,609 pada tahun 2015 dan sebanyak RM1,218,657 pada tahun 2014," jelasnya.

Menurut Awang Buhtamam, pihak UiNVEST berterima kasih kepada UMS sebagai pemegang saham penuh dalam syarikat itu dan berharap agar universiti EcoCampus tersebut akan terus memberi sokongan padu terhadap segala usaha yang diambil bagi memajukan perniagaan agar kekal berdaya saing dan mencatat keuntungan bagi menyumbang kepada UMS.

"Di samping itu, syarikat ini menasaskan keuntungan yang lebih tinggi pada masa akan datang berdasarkan perancangan strategik 35 tahun yang dirangka oleh pihak pengurusan UiNVEST.

"UMS adalah pemegang saham



SERAHKAN... Awang Buhtamam (empat dari kanan) menyampaikan cek pembahagian keuntungan kepada Dr. D Kamarudin.

keseluruhan syarikat UiNVEST yang telah ditubuhkan semenjak tahun 2006 bagi menjana pendapatan untuk pihak universiti menerusi pengkomersialan hasil kajian para penyelidik

universiti, perkhidmatan rundingan serta promosi program-program akademik universiti dan pelaburan perniagaan yang berdaya maju," tambah beliau.

Untuk rekod, UiNVEST sehingga kini telah menyumbang jumlah keseluruhan hasil keuntungan kepada UMS sebanyak RM6,188,010 semenjak tahun 2007.